



MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH MPP KUKUM SESI 2003/2004

Penyampaian watikah perlantikan kepada MPP KUKUM bagi sesi 2003/2004 ini telah diadakan dalam satu majlis makan malam yang dilangsungkan pada 22 September yang lalu di sebuah hotel terkemuka di Alor Setar. Majlis ini telah dihadiri oleh Rektor, Pegawai-pegawai Utama, Dekan-dekan, Ketua-ketua Jabatan KUKUM serta ahli-ahli MPP sesi 2002/2003 dan sesi 2003/2004.

Yang Berbahagia Rektor turut menyampaikan cenderahati penghargaan kepada ahli-ahli MPP bagi sesi 2002/2003 di atas jasa-jasa mereka selama setahun menjalankan tugas. Dalam majlis yang sama juga, hadirin turut menyaksikan upacara penyerahan tugas dari Presiden MPP yang lama kepada Presiden yang baru iaitu bagi sesi 2003/2004.